



SEMINAR PENGANTARABANGSAAN SASTERA MELAYU

Tarikh
30 OGOS 2003

“Penulis Malaysia di Pentas Antarabangsa”

Oleh
Muhammad Haji Salleh

Tempat
Dewan Kuliah A
Universiti Sains Malaysia

Anjuran Bersama
Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara
Universiti Sains Malaysia

PENULIS MALAYSIA DI PENTAS ANTARABANGSA

Muhammad Haji Salleh

Mukadimah: Permainan Jengkel di Pentas Bangsa

Malaysia terkenal sebagai sebuah negara di ambang industrialisasi. Kita mempunyai peribadi sendiri dan agak terhormat di mata beberapa buah negara dunia. Kehidupan ekonomi, perancangan industri dianggap berjaya. Namun, wajah budaya kita di luar negeri tidak begitu indah atau cantik, malah untuk beberapa buah negara, tidak wujud sama sekali.

Garis sastera kita agak sederhana, eksperimen kita juga sederhana, dan kejayaan kita juga dapat dianggap sebagai “cukup makan”. Tetapi kita juga mempunyai beberapa orang pengarang yang cukup baik yang boleh dibawa ke dunia antarabangsa kerana mereka tidak kalah pencapaiannya daripada pengarang kontemporer dunia.

Sastera tradisional, yang kita kongsi bersama Indonesia, Singapura dan Brunei, adalah sastera berakar kepada genius peribahasa, pantun, *Sulalat al-Salatn*, *Hikayat Hang Tuah*, di antara lainnya.

Sastera melukis garis tegas peribadi manusia Malaysia. Dalam keadaan di mana sastera dipinggirkan dan manusia menjadi binatang pengejar kekayaan dan rezeki – sastera harus dapat masuk gelanggang kembali untuk

mengeluh kerana pengisian budaya tiada mencukup untuk mengekalkan minat pelajar itu

Ghairah kita dan pemimpin kita perlu berimbang, saksama dan sementara itu membuka kepada dunia yang lebih luas kerana merekalah yang harus menyebarkan ghairah ini dengan contoh sendiri

Mungkin di teras sastera kita ialah bahasanya Dan saya kira bahasa Melayu sekarang sedang terencat - kalau sebelum ini bahasa ini dibiarkan berkembang dalam semua bidang, dalam 10 tahun akan datang ini, di sekolah-sekolah kita lebih 70% daripada bahasa pengantarnya ialah bahasa Inggeris, bahasa yang dulunya menghina bahasa kebangsaan kita dan sekarang ini kita benarkan pinggirkannya sekali lagi ke sudut sawang sejarah Kita menjadi saksi kepada titik bahasa Melayu sedang mati sebagai bahasa dunia yang dinamik, berwarna-warni dan dicabar oleh zaman dan perubahan

Sekarang di dunia antarabangsa, yang mengetahui bahawa kita kesampingkan bahasa sendiri, saya merasa malu sebagai pengarang Malaysia yang tidak diminta atau didengar pendapatnya

Dengan keadaan begini bagaimana kita akan menyatakan kepada anak-anak muda dunia - silalah belajar bahasa Malaysia - bahasa penting, indah dan menjadi akar hidup kita Kita maklum bahawa kelas-kelas bahasa Melayu ditutup di Murdoch, di Oregon, di Passau, tetapi juga kelas Sastera Melayu tingkatan 6 baru ditutup di Temerloh dan beberapa tempat lainnya Pelajar anatarabangsa akan belajar bahasa Indonesia dan kita di Malaysia hanya

sewaktu bercermin zaman, saya melihat bahasa dan sebahagian jatidiri kita mulai mati. Namun, kita diminta juga berhadapan dengan dunia luas. Dengan bahasa apakah akan kita tulis sejarah depan, dan sejarah belakang, sejarah keadaan kita?

Ada adegan yang kurang menyenangkan yang sedang dilakonkan di depan pentas di mana kita terjatuh di pinggir gelapnya. Inilah senario kita dewasa ini. Ekonomi kita, pada umumnya, sedang membaik, rencam dan cukup dinamis. Bidang-bidang komputer, farmasi, kimia dan perubatan juga berkembang pesat – disesuaikan dengan rentak antarabangsa. Industri Malaysia juga terjalin ke dalam modal dan syarikat serta cara berniaga antarabangsa.

Tetapi di sebaliknya, pada umumnya, sastera kita masih tinggal di kampung yang relatif tenang, tanpa banyak menyentuh manusia global yang sudah menceroboh ke pondok kita, ataupun sudah membeli tanahnya untuk dibangunkan hotel atau kilang antarabangsa. Senario yang dilukiskan ini mempertegaskan jurang yang amat luas di antara kehidupan, kenyataan dan sastera.

Namun begitu, sekiranya kita menoleh ke belakang, kita akan dapat menegaskan raut susuk sastera ini – semasa dan setelah Melaka – sebahagian sastera mempamerkan wajah kosmopolitan, memuatkan watak multi-bangsa dan kesan pelajaran dari bangsa-bangsa pendatang dan pedagang – India, Parsi, Arab, Cina dan Rom.

Karya-karya baru sastera masih sedang ditulis dan ada bibit-bibit yang lebih antarabangsa sifatnya dalam karya Faisal Tehrani, S M Zakir dan Mawar, tetapi semuanya masih dimulakan dari awal lagi

Apakah yang saya ingin sebagai pengarang Malaysia di bendul alaf kedua ini?

1 Penulis kita terjalin dalam kesusasteraan dunia

Untuk menempatkan diri mereka sebahagian dunia besar ini Benar, ini adalah keinginan yang mungkin terlalu besar untuk semuanya, tetapi kita harus mempunyai pengarang yang dapat berwacana dengan kejayaan penulis Jepun dan Jerman, dan mengambil manfaat daripada kejayaan mereka

Dialog dengan pengarang dunia juga cukup penting Sementara tauke kita berdialog dengan teman sekeuntungan di Asia Tenggara dan Amerika atau Eropah, kita yang agak lebih biasa dengan waçana harus lebih berwacana dengan pengarang dunia

2. Menulis untuk Dunia yang Lebih Besar

Sebagai penerusan daripada hasrat pertama ini juga pengarang kita perlu berfikiran besar dan luas dan menulis untuk dunia yang lebih besar Kampung khalayak kita mungkin harus dilukis kembali untuk pertamanya memasukkan manusia bukan Melayu di Malaysia dan keduanya, juga manusia Asia dan di seberangnya

Kita mengesan bahawa dua orang novelis terkini Haruki Murakami dan Banana Yoshimoto sedang sangat popular kerana mereka memahami zamannya dan khalayaknya

4 **Sastera harus memperbaharui dirinya**

Sastera harus mencipta dirinya kembali untuk sesuatu zaman. Maka bentuk, rupa dan jiwa baru ini harus dicari melalui eksperimen yang bijak dan berhasil

5 **Projek sastera besar**

Karya Shakespeare adalah hasil daripada projek bangsa Inggeris untuk memberi maruah dan makna pada bahasanya yang dipandang rendah dan kecil peranannya di samping bahasa Latin. Bahasa itu juga tidak mampu menampung persoalan besar, bidang-bidang baru seperti fizik dan matematik

Namun, pada zaman Isaac Newton, yang pada bulan ini di BBC dianggap sebagai orang Britain teragung, beliau menulis karya pertamanya dalam bahasa Latin dan pada akhir hidupnya telah mencipta *Principia Mathematica* dalam bahasa Inggeris, yang pada waktu itu sudah mendapat keberanian dan keupayaan barunya. Pengarang juga merasa diri mereka sebahagian daripada rancangan besar bangsa dan bahasa ini, dan menggerakkan usaha serta bakat mereka untuk menulis karya yang lebih besar, lebih canggih dan lebih universal. Donne, Shakespeare, Ben Johnson, Milton adalah di antara

Sekarang ini untuk mencari penterjemah muda yang mahir dan peka untuk bahasa Inggeris pun agak sulit, apa lagi untuk Perancis, Sepanyol, Jepun dan Parsi. Yang ada sudah mula berumur dan pada saya kesedaran terjemahan ini amat tipis dewasa ini. Apakah ini gejala bahawa kita tidak membaca dan tidak mengenali kejayaan besar bangsa-bangsa lain?

Melalui terjemahan juga bahasa Inggeris dicabar untuk mencari istilah untuk pohon dan burung tropika, minuman bangsa Tikopia, cara bersunat Pigmii dan Dogon

Saya ingin melihat projek yang serius dari Dewan Bahasa, ITNM, Persatuan Penterjemah, Persatuan Penulis, Pengajian Tinggi untuk di satu pihak menterjemahkan karya besar dunia, dalam semua bidang dan di pihak lainnya menterjemahkan karya Malaysia yang penting ke dalam bahasa-bahasa besar

Saya cadangkan beberapa jenis buku yang harus diterjemahkan

- a) Klasik/tradisional pantun, peribahasa, *Sulalat al-Salatın*, *Hikayat Hang Tuah*, *Bustan al-Salatın*, *Syair Siti Zubaidah*, *Dandan Setia*, Hikayat Pahlawan Islam, cerita *folklor* semua suku
- b) Karya penting moden oleh Ahmad Rashid Talu, Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad, Keris Mas, Usman Awang, Keris Mas dan lain-lainnya

- 5 ke Australia, New Zealand dan Oceania
- 6 ke Amerika Utara dan Selatan

Kita perlu rancangkan untuk 10 tahun supaya terdapat suatu pelan tindakan yang lebih teratur dan menyeluruh

B Siri Tokoh sastera tradisional dan moden

Yang mungkin dibawa ialah

- 1 penglipur lara
- 2 wayang kulit
- 3 bangsawan
- 4 pemantun/penyanyi dondang sayang/mukun Sarawak dll
- 5 dikir barat

Pengarang semasa dari semua genre juga boleh didedahkan kepada khalayak (yang sekarang ini semakin merosot) dan dengan itu dapat hidupkan minat kedua-dua belah pihak. Sekiranya mereka diperkenalkan di luar negara, sertakanlah buku terjemahan yang dapat dibeli

- C Peraduan menterjemah karya-karya Malaysia ke dalam bahasa-bahasa antarabangsa
- D Peraduan menulis pantun, puisi dan cerpen dalam bahasa Melayu

dengan visi yang tidak melepas batas kampung, tetapi sebaliknya menulis tentang kampung dengan jiwa universal, kosmopolitan, global dsb. Untuk dapat dibaca di luar unsur kampung sendiri harus tidak begitu tepat

10 Institut Bahasa dan Sastra Malaysia

Akhirnya, seperti dicadangkan oleh Mesyuarat MABM baru-baru ini adakan institut atau badan di mana pelajar luar negara dapat mempelajari bahasa Melayu, sastra Malaysia dan budayanya, kerana sekarang ini semakin sedikit jurusan yang minat untuk mengajarnya, termasuk bahasa Indonesia juga. Banyak jurusan yang sudah menutup pengajaran bahasa dan sastra Malaysia (dan Indonesia) ini. Jadi kita harus gantikannya dengan kursus-kursus intensif di Malaysia, sebagai sumbangan kepada mereka yang ingin mengenali bahasa, pencapaian sastra, pemikiran dan cara hidup kita.